



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(Malaysian Red Crescent Society)

BUKU PANDUAN NO. 10

**KESIHATAN
DAN
KHIDMAT MASYARAKAT**

PENDAHULUAN

Sebagai sebuah pertubuhan sukarela auxilliary kepada Kerajaan Bulan Sabit Merah sentiasa berusaha dan bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan bagi meninggikan tahap kesihatan rakyat di Malaysia.

Diatas inisiatif dan kesedaran yang tinggi, Bulan Sabit Merah sentiasa berhubung rapat dengan pihak Hospital-Hospital Kerajaan menjalankan Kempen pengrekrutan penderma-penderma darah dan membantu Hospital-Hospital dan Pusat Tabung Darah seluruh Negara agar lebih ramai rakyat Malaysia tampil mendaftar secara sukarela untuk menderma darah. Melalui usaha yang tidak kira penat lelah dan jemu, BSMM dan Agensi-agensi NGO yang lain melalui kempen-kempen kesedaran pendermaan darah, tabung Darah negara telah dapat mengurangkan kegiatan penyalahgunaan pendermaa darah (penjualan darah) dan kini rakyat Malaysia prihatin bahawa Kegiatan pendermaan darah itu adalah satu khidmat murni bagi membantu sesama manusia dan sangat tinggi nilainya.

Dalam kegiatan Anti Dadah, Bulan Sabit Merah Malaysia sejak Tahun 80an lagi bilamana negara menghadapi musuh no. 1 negara iaitu dadah dan akibat penyalahgunaan dadah dikalangan remaja Malaysia tanpa mengira kaum dan keturunan, BSMM bersama-sama dengan Agensi Anti Dadah telah berganding bahu bersama-sama dengan Agensi Kerajaan didalam membentaras Penyalahgunaan Dadah melalui kempen-kempen kesedaran yang dianjurkan oleh Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Belia dan Sukan dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Pemadam kebangsaan.

Daripada gejala penagihan dadah, Negara telah dilanda pula dengan gejala yang menakutkan iaitu Gejala Penyakit HIV/AIDS. Bulan sabit Merah terus memainkan peranan aktif menjadi ahli Gabungan Majlis Aids Malaysia (MAC) dan sentiasa bekerjasama dengan Pertubuhan Sukarela yang menangani gejala Aids seperti PENGASIH, Rumah Solehah dan menubuhkan Jawatankuasa Program HIV/AIDS di seluruh Negeri untuk membantu Kementerian Kesihatan dan Agensi yang memikul tanggung jawab bersama mengenai HIV/AIDS. BSMM telah memainkan peranan aktif didalam Kempen Kesedaran mengenai HIV/AIDS dengan memperbanyakkan kempen kesedaran di peringkat remaja melalui Program Remaja Sihat Sejahtera (PRESS) bagi memupuk kesedaran terhadap belia-belia dan remaja agar menjauhi Gejala HIV/AIDS.

Hingga kini BSMM masih meneruskan kempen kesedaran ini di kalangan remaja bermula di dalam Pasukan Bulan Sabit Merah di Sekolah Menengah di seluruh negara. Majlis Aids Kebangsaan telah banyak membantu BSMM di dalam usaha kesedaran mengenai Gejala HIV/AIDS melalui peruntukan Kementerian Kesihatan Malaysia dan kesannya sangat positif kerana di kalangan remaja BSMM boleh berperanan untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang betul dan tepat kepada rakan sebaya mereka.

BAHAGIAN 1
KESIHATAN
PROGRAM DARAH

TATACARA PENGANJURAN KEMPEN PENDERMAAN DARAH

Pihak Pusat Darah Negara (PDN) sentiasa berusaha meningkatkan jumlah kutipan darah untuk dibekalkan kepada hospital-hospital yang memerlukan darah. Oleh itu banyak program-program pendermaan darah dirancang serta dilaksanakan oleh Bulan Sabit Merah Malaysia. Untuk menganjurkan kempen derma darah yang berjaya dan berkesan, beberapa perkara perlu diberi perhatian.

1. Jumlah minima adalah 40 orang.
2. Tempat pendermaan:-
 - Saiz seluas 20 x20 kaki minima (bergantung kepada jumlah penderma).
 - Selesa, berhawa dingin atau berkipas, terang mempunyai peredaran udara yang baik dan jauh daripada gangguan bunyi bising.
 - Elakkan tempat yang panas, tersorok, berhabuk dan yang perlu menaiki tangga yang tinggi.
 - Mempunyai kemudahan meletak kenderaan dan menaik turun barang-barang.
3. Peralatan:-
 - Peralatan yang digunakan untuk proses pendemaan darah akan dibawa oleh pihak Pusat Darah Negara (PDN)
 - Jamuan ringan (refreshment) selepas pendermaan akan disediakan oleh pihak PDN.
4. Pihak penganjur diminta agar dapat menyediakan:-
 - Sekurang-kurangnya 8 buah meja dan 20 buah kerusi untuk kegunaan penderma dan kakitangan bertugas (bergantung kepada jumlah penderma)
 - Kipas-sekiranya tempat yang disediakan tidak berhawa dingin atau di tempat terbuka.
 - Bekalan elektrik dan air bersih.
5. Publisiti
6. Poster dan risalah untuk publisiti kempen pendermaan darah ini akan dibekalkan oleh pihak PDN. Pihak penganjur disyorkan untuk mengumumkan kepada orang ramai mengenai kempen derma darah yang akan dijalankan ini dengan menggunakan poster yang dibekalkan selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh kempen. Pada hari pendermaan, pengumuman secara lisan atau dengan bantuan sistem makluman awam (PA System) bolehlah dilakukan untuk meningkatkan orang ramai tentang kempen yang sedang diadakan.

KRITERIA PENDERMA

Terdapat beberapa kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

1. Sihat tubuh badan pada hari pendermaan
2. Berumur diadataranya 18 – 60 tahun
 - Bagi yang berumur 17 tahun, perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibubapa atau penjaga;
 - Bagi yang berumur 61-65 tahun, perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada doktor mengenai tahap kesihatan badan.
3. Berat badan melebihi 45 kg
4. Tidur melebihi 5 jam pada malam sebelum hari pendermaan
5. Tiada masalah kesihatan
6. Tidak mengambil sebarang ubat-ubatan:-
 - Tidak mengambil antibiotik dalam tempoh 7 hari sebelum hari pendermaan;
 - Sila rujuk pegawai bertugas untuk ubat-ubatan lain
7. Telah mengambil makanan sebelum menderma darah (tidak berpuasa)
8. Tidak terlibat di dalam sebarang kegiatan berisiko tinggi seperti berikut:-
 - Hubungan jenis sesama jantina (homoseksual);
 - Hubungan jenis dengan kedua-dua jantina (biseksual);
 - Hubungan jenis dengan pekerja seks komersial/pelacur;
 - Bertukar-tukar pasangan hubungan jenis;
 - Mengambil dadah secara suntikan;
 - Menjadi pasangan hubungan jenis kepada mana-mana golongan di atas.
9. Pendermaan terakhir sekurang-kurangnya 3 bulan untuk penderma darah penuh (whole blood) dan 2 minggu untuk penderma aferesis.
10. Untuk penderma wanita:-
 - Tidak mengandung;
 - Tidak datang haid;
 - Tidak menyusukan anak.
11. Jangan menderma darah jika anda:-
 - Pernah tinggal di United Kingdom (England, Northern Ireland, Scotland, Wales, Isle of Man atau Channel Island) atau Republik Ireland dari tahun 1980 hingga 1996 untuk tempoh 6 bulan atau lebih;
 - Pernah tinggal di benua Eropah dari 1980 hingga sekarang untuk tempoh 6 bulan atau lebih.

NASIHAT KEPADA PENDERMA DARAH

Setiap kali selepas menderma darah, anda adalah dinasihatkan untuk memberi perhatian terhadap perkara-perkara berikut:-

- Tekan kuat pada cucukan jarum sambil berehat sekurang-kurangnya 10 minit di atas katil sebelum bangun;
- Ambil sedikit minuman dan makanan ringan yang disediakan sebelum meninggalkan tempat pendermaan;
- Ambil sebiji tablet zat besi dan asid folik yang dibekalkan sehari selepas makan. Ini akan membantu anda membina kembali sel-sel darah yang telah anda dermakan;
- Berhati-hati semasa memandu atau sewaktu bekerja menggunakan mesin;
- Elakkan diri daripada aktiviti-aktiviti sukan atau senam berat, atau mengangkat barangan yang berat;
- Elakkan minuman keras/merokok;
- Dinasihatkan minuman lebih banyak air dalam masa 24 jam selepas menderma;
- Jika anda mengalami sebarang reaksi atau tindak balas seperti pening atau rasa ingin pitam, baringkan diri anda selama beberapa minit dengan kedua-dua kaki dinaikkan melebihi paras kepala;
- Sekiranya anda berasa tidak sihat/selesa, ataupun terdapat tanda lebam, bengkak atau sakit di bahagian yang dicucuk, sila hubungi segera Pegawai Perubatan Pusat Darah Negara.

KEISTIMEWAAN PENDERMA DARAH

Penderma-penderma darah yang menderma di Pusat Darah Negara dan lain-lain Tabung Darah di Hospital Kerajaan adalah layak mendapatkan rawatan percuma. Jadual Keistimewaan Rawatan Penderma Darah di Fasiliti Kesihatan (Hospital Institusi dan Klinik Kesihatan), Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut Surat Pekeliling KPK 5/2005 bertarikh 20 Julai 2005.

KERAPAN MENDERMA	KEISTIMEWAAN RAWATAN
1 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan (tidak termasuk bayaran X-ray dan pembedahan) dan wad untuk tempoh 4 bulan.
2 kali (dalam tempoh 12 bulan)	Percuma suntikan pencegahan Hepatitis B.
2 – 5 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 4 bulan.
6 - 10 kali	Percuma rawatan pesakit luar selama 1 tahun dan rawatan perubatan kelas dua untuk tempoh 6 bulan.
11 - 15 kali	Percuma rawatan pesakit luar selama 2 tahun dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 1 tahun.
16 – 20 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan

	dan wad kelas dua untuk tempoh 2 tahun.
21 – 30 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 3 tahun.
31 – 40 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas satu untuk tempoh 4 tahun.
41 – 50 kali	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas satu untuk tempoh 6 tahun.
Lebih 50 kali (bagi penderma "Whole blood") dan Lebih 150 kali (bagi penderma aferesis)	Percuma rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas satu untuk tempoh 10 tahun dan wad kelas dua seumur hidup selepas 10 tahun di wad kelas satu.

HIV/AIDS

PROGRAM REMAJA SIHAT & SEJAHTERA (PRESS)

PENGENALAN

Program Remaja Sihat & Sejahtera adalah program latihan pencegahan AIDS atas inisiatif Jawatankuasa ART Asian. Setiap negara yang terlibat telah menghasikan manual pengajaran sendiri berdasarkan keperluan dan sensitivity budaya tempatan. Beberapa topik penting seperti kegiatan seks, perancangan keluarga, penyakit kelamin, cara hidup sihat disertakan dalam progeam ini untuk memberikan pendedahan kesihatan kepada para remaja.

Program latihan akan dijalankan dalam masa dua hari. Tujuh topik akan dibincangkan oleh peserra dengan bimbingan du orang fasilitator. Program adalah berkonsepkan dari remaja unutk remaja dan dijalankan oleh remaja (Bimbingan rakan sabaya). Program ini adalah bagi remaja yang belum berkahwin yang berumur di antara 16-25 tahun.

Sukatan PRESS

- Perkembangan Hidup Manusia
- Bina Diri
- Sokongan
- Kegiatan Seks
- Penyakit Kelamin
- Masalah Kesihatan (Dadah, Hepitaties, TB)
- Status Wanita

Sasaran PRESS di seluruh Malaysia

1. LATIHAN

Peringkat	Keterangan
Jurulatih Pelatih	Fasililator yang baru dilatih
Jurulatih	Fasilitator yang telah memenuhi kuota latihan
Jurulatih Muda	Fasilitator yang menunjukkan prestasi yang baik
Jurulatih Kanan	Jurulatih Pusat yang asal

a. Jurulatih Pusat PRESS

Satu program latihan jurulatih pusat akan diadakan untuk melatih sekumpulan jurulatih yang baru. Jurulatih pusat juga boleh menjadi fasilitator sambilan yang telah dilatih sebelum ini. Sijil Jurulatih akan diberikan kepada yang layak. Sijil tersebut hanya sah tiga tahun sahaja. Untuk memperbaharui sijil, jurulatih perlu menunjukkan bukti telah memenuhi kuota latihan yang telah ditetapkan.

b. Kursus Fasilitator Negeri

Diadakan setiap tahun di setiap negeri. Perbelanjaan untuk program ditanggung bersama Negeri dan IPK. Peserta kursus mesti terdiri daripada ahli BSMM. Peserta kursus mesti berada 24 jam di tempat latihan. Bilangan peserta antara 20-25 orang sahaja. Empat orang jurulatih pusat diperlukan tidak termasuk penyelar. Untuk tambahan jurulatih, makanan dan tempat tinggal akan disediakan oleh Negeri manakala hanya 50% tambang sahaja akan ditanggung oleh IPK. Perancangan dibuat oleh pihak IPK dengan Negeri dengan bantuan Jurulatih Kanan. Setiap Negeri/Daerah di kehendaki memberitahu IPK secara rasmi yang Negeri/Daerah tersebut akan mengadakan kursus Fasilitator pada tarikh dan masa yang tertentu. IPK akan mengambil tindakan sewajarnya.

c. Program PRESS Peringkat Rakan Sebaya

Program ini boleh diadakan sama ada untuk pelajar sekolah, mahu pun yang sudah bekerja. Semua belia boleh menyertai program ini. Had umur peserta adalah diantara 16-25 tahun. Jika boleh, latihan hendaklah dijalankan untuk 10 orang sekumpulan dengan dibantu oleh dua orang fasilitator. Usaha hendaklah dibuat agar nisbah lelaki dan perempuan dalam kumpulan adalah 5:5.

Perbelanjaan makanan dan alat tulis adalah tanggungjawab penganjur iaitu sekolah mahu pun organisasi yang terlibat. (Salinan manual boleh ditempah dari BSMM). Pihak IPK hanya memberi elaun dan tuntutan tambang kepada fasilitator sahaja.

d. Kursus Ulangkaji

Kursus Ulangkaji untuk Negeri-Negeri yang telah dilatih hendaklah diadakan dari tempoh 4 – 6 bulan selepas latihan pertama untuk membantu fasilitator yang telah dilatih.

e. Mesyuarat Dan Latihan Penyelar setiap Negeri

Satu mesyuarat dan latihan untuk semua penyelar (wakil yang dipilih oleh Negeri) untuk membantu mengaturkan program di Negeri masing-masing akan diadakan.

Untuk menjamin keberkesanan program, pemilihan penyelar hendaklah terdiri daripada seorang wakil dari Negeri yang mempunyai inisiatif dan kuasa menggerakkan program ini.

f. Program Dadah, ART Dan AIDS

Jurulatih PRESS perlu menghadiri aktiviti yang berkaitan dengan pencegahan dadah, pencegahan AIDS dari masa ke semasa.

1. Tatacara Komunikasi

Hanya Jurulatih Kanan dan penyelar boleh terus berhubung dengan IPK. Fasilitator boleh berhubung melalui pihak Negeri. Jurulatih Pusat boleh berurusan dengan Fasilitator negeri. (salinan surat dihantar kepada Negeri dan Daerah).

3. Kewangan

Pihak Negeri akan mendahulukan pembayaran untuk elaun.

- a. Peruntukkan Dan Bayaran untuk Sekolah, Kilang Dan
- b. Kolej

Pihak IPK akan menyediakan elaun dan tambang kepada jurulatih dan sijil untuk semua peserta. Salinan manual perlu dibeli oleh peserta. Pihak yang menganjur kursus (Sekolah, Kilang, Kolej) perlu menyediakan tempat, makanan dan alat tulis untuk program. Selain itu, pihak swasta seperti Kilang dan Kolej perlu membayar untuk kos perbelanjaan program.

c. Tuntutan Untuk Perbelanjaan Lain

Tuntutan untuk panggilan talipon berkaitan pengurusan program, dakwat pencetak, potocopy, kaset dan bateri boleh dituntut daripada IPK.

d. Pentadbiran Dan Pengurusan

Akan diuruskan oleh IPK (Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Masyarakat) manakala Jawatankuasa PRESS (Dalaman) diadakan untuk membantu perkembangan program ini.

JAWATANKUASA Jurulatih PRESS

- Pengerusi
- Naib Pengerusi
- Setiausaha / Bendahari
- Pengerusi Jawatankuasa Kecil Maklumat
- Pengerusi Jawatankuasa Kecil Arkib
- Ahli Jawatankuasa

Di dalam Jawatankuasa ini terdapat :-

- 6 orang Jawatankuasa tertinggi (maksimum 20 orang)
- 10 orang AJK (maksimum 30 AJK yang mesti terdiri daripada 13 orang wakil Cawangan

Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi akan diadakan tiga kali setahun manakala mesyuarat Jawatankuasa akan diadakan pada pertengahan tahun. Keputusan mesyuarat perlu diterima oleh semua AJK (termasuk AJK yang tidak hadir). Semua AJK mesti ahli BSMM. Mesyuarat Agong akan diadakan sekali setahun.

KEM KESIHATAN

PENGENALAN

Kem Kesihatan dan Perubatan adalah projek sehari yang diadakan di kawasan komuniti supaya meningkat taraf dan kualiti hidup penduduk. Projek ini dibiayai oleh Syarikat swasta sebagai memenuhi kebajikan sosial perniagaan untuk menyumbang kepada kebajikan dan kebahagiaan komuniti.

OBJEKTIF

Objektif Kem Kesihatan dan Perubatan adalah seperti berikut:-

1. Mengujudkan kesedaran mengenai pentingnya kesihatan serta faedah hidup cara sihat kepada individu;
2. Menyediakan perkhidmatan kesihatan, perubatan, pergigian dan optometrik kepada penduduk luar bandar yang memerlukannya tanpa bayaran.

AKTIVITI

Untuk mencapai objektif tersebut, aktiviti yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

1. Klinik pembangunan keluarga
2. Klinik perubatan
3. Klinik pergigian
4. Klinik optometrik (ujian penglihatan)
5. Tunjuk ajar pertolongan cemas
6. Pameran mengenai pembangunan keluarga, kesihatan, pergigian dan penjagaan mata

KOMUNITI SASARAN

Dalam pemilihan komuniti untuk projek, kriteria seperti berikut perlu diberi perhatian:-

1. Keperluan dan sambutan oleh komuniti melalui sokongan Pegawai Daerah dan Jawatankuasa pembangunan kampung dan keselamatan;
2. Ada jalan masuk dan keluar;
3. Kemudahan kesihatan kurang atau tiada di kawasan tersebut;
4. Majoriti penduduk dalam kawasan terdiri daripada golongan termiskin;
5. Penduduk dalam kawasan terdiri daripada berbagai kaum.

TAPAK

Sebuah sekolah atau balairaya adalah sesuai untuk menjadi tapak projek sekiranya sedia ada kemudahan berikut:-

1. Air paip untuk klinik pergigian;

2. Punca kuasa letrik untuk membersihkan alat daripada kuman untuk kegunaan klinik perubatan, pergigian dan pembangunan keluarga;
3. Bilik berasingan lengkap dengan langsir untuk menjamin kerahsian diri sendiri semasa pemeriksaan tubuh badan di klinik pembangunan keluarga.

TAJAAN

Tajaan hendaklah diperolehi untuk membiayai perbelanjaan seperti berikut:-

1. Ubat untuk klinik perubatan dan pergigian;
2. Bius, air pembersih dan pencuci serta alloy untuk klinik pergigian;
3. Cermin mata untuk klinik optometrik;
4. Alta tulis dan alat cetak;
5. Bayaran perjalanan dan kerja lebih masa;
6. Makanan dan minuman.

KEMUDAHAN

Selain daripada sumber kewangan, kakitangan iktisas yang dikehendaki untuk memberi perkhidmatan adalah seperti berikut:-

1. Doktor Perubatan;
2. Doktor Pergigian;
3. Optometris;
4. Jururawat;
5. Teknologi makmal;
6. Ahli-ahli sukarelawan BSMM.

Untuk memudahkan perancangan dan pelaksanaan, sokongan dan kerjasama adalah perlu daripada agensi seperti berikut:-

1. Jabatan Kesihatan
2. Kor Perubatan & Pergigian Angkatan Tentera
3. Persatuan Optometris Malaysia
4. Pejabat Daerah
5. Jabatan Kebajikan Masyarakat
6. Jabatan Penerangan
7. Polis DiRaja Malaysia
8. Jabatan Pendidikan
9. Jabatan Bomba
10. Majlis Daerah
11. Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan kampung

KAEDAH

Langkah perancangan dan pelaksanaan adalah seperti berikut:-

1. Memperolehi peruntukkan kewangan daripada penaja, sebaiknya Syarikat awam yang mempunyai imej korporat penyayang.
2. Mengadakan perbincangan dengan Pegawai Kesihatan Negeri / Daerah untuk mendapat pandangan serta cadangan mengenai tempat dan komuniti di mana perlu diadakan Kem Kesihatan dan Perubatan.
3. Mengadakan perbincangan dengan Pegawai Daerah tentang tempat yang dikenal pasti.
4. Menubuhkan Jawatankuasa dengan Pegawai Daerah & Pengerusi BSMM Cawangan/Cabang sebagai Pengerusi bersama dan menjemput penaja dan agensi-agensi yang terlibat dalam projek serta wakil tempatan.
5. Melawat tapak bersama Pegawai Kesihatan untuk mengenal pasti kemudahan yang ada.
6. Merancang aktiviti yang akan diadakan melalui mesyuarat Jawatankuasa dan salah satu mesyuarat di tempat kem.
7. Menyelaraskan aktiviti sebelum dan pada hari projek.
8. Menyampaikan sijil penghargaan kepada semua kakitangan dan sukarelawan yang terlibat dalam projek.

**PROGRAM PROMOSI
PENDERMAAN ORGAN**

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberi panduan kepada Cawangan-Cawangan tentang langkah-langkah dan tindakan untuk melaksanakan aktiviti Promosi Pendermaan Organ di Peringkat Cawangan.

AKTIVITI PROMOSI PENDERMAAN ORGAN

Program Promosi pendermaan Organ di Malaysia bermula pada tahun 1999 apabila Menteri Kesihatan melancarkan kad pengikrar pendermaan Organ. Satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Bertindak Kesederan Awam Pendermaan Organ telah ditubuhkan. Keahlian Jawatankuasa ini terdiri daripada orang perseorangan, media dan badan bukan kerajaan (NGO). Jawatankuasa ini terlibat secara langsung dalam merancang dan melaksana program promosi pendermaan organ sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat nasional.

OBJEKTIF

- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pendermaan organ/tisu selepas meninggal dunia.
- Meningkatkan bilangan pengikrar penderma organ selepas meninggal dunia

Tarikh / Tempoh Masa / Tempat

Ditentukan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Cawangan

Kumpulan Sasar

Bagi menjamin keberkesanan program, aktiviti harus ditumpukan kepada kumpulan sasaran.

Antara kumpulan sasaran adalah:-

- Masyarakat Umum
- Pelajar Sekolah
- Pelajar Institusi Pengajian Tinggi
- Pekerja

AKTIVITI

Aktiviti yang dapat memberi faedah secara langsung kepada kumpulan sasaran perlu diberi keutamaan. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan termasuklah:-

- a) Forum / Ceramah / Seminar / Dialog
- b) Pameran
- c) Kuiz
- d) Khidmat Nasihat

PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM

Setiap aktiviti pendermaan organ yang dijalankan di perigkat Cawangan harus di pantau dan di nilai. Penilaian keberkesanan program perlu dibuat berdasarkan format penilaian yang dilampirkan.

PERANCANGAN AKTIVITI

Unit Promosi keishatan bertanggung jawab membuat perancangan senarai aktiviti berdasarkan skop yang ditentukan. Pandangan dan maklumbalas daripada kumpulan sasaran, pemimpin serta agensi-agensi berkaitan perlu diperolehi. Ini bertujuan memastikan aktiviti yang dirancang memenuhi kehendak kumpulan sasaran yang seterusnya akan membantu penyertaan mereka dalam aktiviti itu nanti.

SUMBER KEWANGAN

Ditaja oleh Negeri/Daerah sendiri

BAHAGAIAN 2
PERKHIDMATAN MASYARAKAT
PENJAGAAN KESIHATAN ASAS
(KAMPUNG ANGKAT)

PENGENALAN

Penjagaan Kesihatan Asas adalah satu konsep yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk/komuniti di satu-satu kawasan pendalaman, luar bandar, pinggir bandar atau juga di bandar yang terdiri dari golongan rakyat termiskin, daif dan terbiar. Supaya program ini dapat dilaksanakan secara berkesan, menyeluruh dan sistematik, maka di cadangkan pendekatan dibuat mengikut garis panduan tertentu, melalui sistem berteraskan masyarakat (Community based system). Dengan cara demikian akan mewujudkan perasaan kekitaan (sense of belonging) dan masyarakat berkenaan akan beranggapan bahawa program ini adalah kepunyaan mereka sendiri. Justeru itu mereka akan lebih bertanggungjawab untuk menentukan kejayaan.

TUJUAN

Untuk memberi garis panduan kepada Cawangan dan Cabang BSMM atau mana-mana pihak yang hendak melaksanakan Program Penjagaan Asas Kesihatan supaya dapat mematuhi peraturan yang ditetapkan, untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan program tersebut. Program ini adalah satu aktiviti berterusan bagi satu jangka masa yang akan ditetapkan mengikut pencapaian matlamatnya. Garis panduan ini juga bukanlah satu dasar yang tetap yang mesti diikuti sepenuhnya, kerana ianya boleh diubah suai mengikut keadaan satu-satu tempat atau lokasi.

OBJEKIF

Objektif Program Penjagaan Asas Kesihatan ini adalah:-

- Untuk membantu meninggikan taraf kesihatan.
- Untuk membolehkan mereka menikmati taraf hidup yang sihat dan lebih selesa.
- Mengwujudkan kesedaran mengenai pentingnya penjagaan kesihatan serta faedah hidup cara sihat.
- Untuk mengubah sikap masyarakat dari terlalu bergantung kepada kerajaan kepada berusaha sendiri dan berdikari.
- Menggalakkan mereka mempelbagaikan kerja/mata pencarian harian untuk menambah pendapatan.
- Mendorong mereka kepada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan.
- Menyediakan perkhidmatan kesihatan perubatan pergigian dan optometrik.

TEMPOH

Oleh kerana program ini merupakan projek jangka panjang (on-going), maka tempoh masa pelaksanaannya di anggarkan tidak kurang daripada satu tahun pada peringkat permulaannya. Ianya boleh disambung jika perlu dan mengikut kemampuan.

KAEDAH DAN PENDEKATAN

Supaya program ini beroleh kejayaan, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan:-

1. Kajian

Kajian menyeluruh atas beberapa aspek tertentu, perlu dibuat di peringkat awalan. Kajian ini boleh dijalankan melalui:-

- a. Ahli-ahli BSMM sendiri
- b. Pejabat Kesihatan Daerah
- c. Pejabat Daerah atau lain-lain agensi kerajaan.

1.1 Skop kajian hendaklah meliputi:-

i. Kedudukan / Lokasi Kampung

ii. Penduduk

- c. Bilangan Penduduk.
- d. Bilangan rumah – komposisi.
- e. Bangsa, Usia dan lain-lain.
- f. Tahap ekonomi – aktiviti ekonomi (petani, nelayan, pelombong, pekerja upahan dan lain-lain).
- g. Agama.
- h. Kesedaran dan kemampuan menerima perubahan.
- i. Kesanggupan semua agensi untuk menyertai program ini.

iii. Kemudahan

- a. Kemudahan sistem pengangkutan awam seperti bas, teksi, bot, keretapi dan lain-lain.
- b. Kemudahan perkhidmatan telefon dan lain-lain alat perhubungan.
- c. Jalan-jalan menyusur kampung dan jalan-jalan yang berhubung dengan kampung-kampung lain.

iv. Kesihatan

- a. Kemudahan bekalan air seperti paip air, perigi, sungai dan lain-lain.
- b. Sistem bekalan elektrik.
- c. Sistem tandas dan saluran air buangan.
- d. Sistem pencegahan banjir / bah.
- e. Kebersihan kawasan.
- f. Sistem pemakanan yang seimbang.
- g. Penjagaan binatang peliharaan dan binatang ternakan.
- h. Penjagaan kawasan wakaf seperti kubur, rumah ibadat dan tanah terbiar.
- i. Penjagaan warga tua.
- j. Pengetahuan mengenai pertolongan cemas.

- v. Kemudahan yang sedia ada
 - a. Klinik (dokter, jururawat, bidan – kerajaan atau swasta)
 - b. Sekolah Rendah / Menengah
 - c. Tempat ibadat
 - d. Polis / Bomba
 - e. Balai raya
 - f. Pasar / kedai

- 1.3 Penentuan Peranan BSMM
 - a. Menjadi penggerak utama
 - b. Menjadi orang tengah
 - c. Menyedia tenaga kerja (manpower) untuk aktiviti-aktiviti tertentu seperti gotong royong dan lain-lain. (Tidak terbatas kepada ahli BSMM sahaja).
 - d. Mencari penaja bersama-sama lain agensi dan menentukan peruntukkan mencukupi dan setakat mana peruntukkan ini boleh menampung semua aktiviti yang di rancangan bagi program ini.
 - e. Mengadakan seorang pekerja komuniti (dibayar elaun) bagi penyelia dan menyokong projek.
 - f. Meninjau semula (follow-up) keadaan kesihatan kampung berkenaan dari masa kesemasa.

- 1.4. Penentuan Kerjasama dan sokongan daripada lain-lain Agensi
 - a. Kerajaan – Negeri, Daerah / Bahagian, Pihak Berkuasa Tempatan
 - b. Pihak Swasta – Badan Korporat, Syarikat dan lain-lain.
 - c. Badan / Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).
 - d. Pentadbiran kampung seperti Jawtankuasa Kampung.
 - e. Penduduk kampung berkenaan yang berpengaruh.

1. PERLAKSANAAN

1.1 Peringkat Awalan

- a. Suaikenal dan kerja-kerja awalan.
- b. Lawatan ke kampung berkenaan dan berkenalan untuk mengeratkan perhubungan dengan masyarakat setempat.
- c. Mengetahui dan menyenaraikan keperluan masyarakat tersebut.
- d. Mengenal pasti keutamaan keperluan dan objektif mereka.
- e. Mulakan dimana masyarakat tersebut berada – contohnya kekuatan masyarakat tersebut ialah bersatu dan kelemahannya ialah kurang keyakinan dan kemahiran, maka mulakan dari menaikkan semangat mereka untuk menjadi lebih yakin dan mahir.
- f. Mengenal pasti sumber-sumber yang ada seperti kewangan, tenaga kerja, kemudahan peralatan dan lain-lain yang dapat membantu didalam pelaksanaan projek.

1.2 Penubuhan Jawatankuasa

Merangkumi orang-orang terpengaruh, Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Masyarakat dan Orang-orang Kampung sendiri.

- a. Penubuhan Jawatankuasa Induk
- b. Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan
- c. Penubuhan Jawatankuasa Kecil

1.2.1 Melaksanakan Kerja Secara Berperingkat -peringkat

- a. Mengadakan Jadual Kerja Tahunan
- b. Penglibatan aktiviti-aktiviti program jabatan kerajaan yang sedia ada

1.2 Diantara aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan

- 1.2.1 Melancar kerja gotong royong secara besar-besaran membersihkan kampung / tanah lapang / kubur / surau / taman atau apa yang sesuai, melibatkan semua pihak (termasuk lain-lain badan sukarela tempatan)

1.2.2 Program Kesihatan

- a. Bekalan tandas
- b. Bekalan air (bersih)
- c. Dialog dan kempen pelalian
- d. Ceramah (pelbagai) mengenai Kesihatan
- e. Pemeriksaan kesihatan penduduk

1.2.3 Program Pertanian

- a. Skim galakkan buah-buahan
- b. Pemprosesan makanan
- c. Penanaman pokok-pokok hiasan dan buah-buahan

1.3.4 Program Kanak-Kanak Sekolah

- a. Kursus motivasi dan teknik menjawab soalan
- b. Peperiksaan Ulangkaji pelajaran
- c. Pertandingan melukis

1.3.5 Program Masyarakat Penyayang Keluarga Bahagia

- a. Motivasi mengenai kebersihan dan kesihatan
- b. Pembangunan keluarga
- c. Sessi Dialog

1.3.6 Program BSMM

- a. Penubuhan Unit Bulan Sabit Merah di Kampung tersebut
- b. Khidmat bantuan pengurusan bencana (CBDP)
- c. Seorang pertolongan cemas di setiap rumah (CBFA)

1.3.7 Lain-lain

- a. Lain-lain aktiviti yang bersesuaian

2. Mendapat persetujuan dari Jawatankuasa Eksekutif Kebangsaan, Jawatankuasa Cawangan, Jawatankuasa Cabang dan lain-lain.

3. PENGAWASAN PROJEK

Seorang Pengurus Projek (dibayar elaun kerja/gaji) hendaklah dilantik untuk mengawasi program dari masa kesemasa dan menjalankan tugas-tugas berikut:-

- a. Pengurus Projek bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengawal kemajuan sesuatu projek bagi menentukan kejayaannya.
- b. Mengatasi masalah seberapa yang boleh.
- c. Memastikan keperluan mencukupi untuk projek tersebut.
- d. Sumber-sumber yang ada digunakan sepenuhnya.
- e. Projek dijalankan untuk mereka yang benar-benar memerlukan.
- f. Bilangan tenaga kerja yang ditugaskan mencukupi untuk menjalankan tugas.
- g. Sama ada perancangan projek perlukan perubahan.

4. LAPORAN

- a. Laporan bulanan oleh Pengurus Projek kepada Cawangan BSMM yang menjadi penganjur
- b. Laporan suku tahun kepada pihak penaja dan Ibu Pejabat Kebangsaan
- c. Laporan Akhir kepada Penaja dan Ibu Pejabat Kebangsaan

5. PEMANTAUAN

Sebelum sesuatu projek ditamatkan adalah sangat penting untuk kita mengetahui bahawa masyarakat kampung ini telah bersedia untuk seterusnya menjalankan projek ini sendiri. Oleh yang demikian usaha pemantauan hendaklah di rancangkan untuk mengetahui perkembangan seterusnya.

6. PENUTUP

Negeri-Negeri dan Daerah-Daerah BSMM diminta mengadakan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan mencari penganjur baginya. Disamping itu pihak IPK juga akan cuba mendapatkan sedikit sebanyak peruntukkan bagi menentukan kejayaan pelaksanaan program ini.